

**PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
PENDIDIKAN SYARI'AH ISLAMIAH**

Bahagian A

No. Soalan	Jawapan
1	Binatang yang disembelih bukan kerana Allah/darah
2	السفهاء
3	Pekerja ladang yang membawa arak/pemandu lori arak(semua pekerjaan yang melibatkan mengangkut arak)
4	Haram/tidak sah
5	Datuk sebelah bapa
6	Syarat
7	Sebab
8	Azimah
9	Mani'
10	Sohih
11	Mudhorobah
12	Mencederakan dengan sengaja
13	Kesejagatan
14	Diwan Al Jund
15	Aisyah binti Abu Bakar
16	X
17	√
18	X
19	√
20	X

Lihat halaman sebelah]

No. Soalan			Jawapan	Markah										
1.	(a)		Dua tuntutan hukum : - Wajib memilih makanan yang halal dan berkhasiat. - Haram memakan bangkai /darah/khinzir dan binatang yang disembelih bukan kerana Allah swt. - Harus makan makanan yang haram dalam keadaan darurat.	2 isi x 1m = 2m										
	(b)		Cara ulamak istinbat hukum: - Berdasarkan Lafaz كلوا - فعل الامر yang menunjukkan perintah. - Setiap perintah membawa hukum wajib - Oleh itu hukum memilih makanan yang halal dan berkhasiat adalah wajib.	4 isi × 1m = 4m										
	(c)		Dua perbezaan makanan halal dan haram : <table><tr><td>Makanan halal</td><td>Makanan haram</td></tr><tr><td>Tiada dalil yang mengharamkan seperti buah tin</td><td>Ada dalil yang mengharamkan seperti khinzir</td></tr><tr><td>Makanan yang tidak beracun</td><td>Makanan beracun dan memudharatkan</td></tr><tr><td>Makanan yang suci dan bersih</td><td>Makanan yang kotor dan najis</td></tr><tr><td>Makanan yang disembelih mengikut syarak</td><td>Bangkai @ binatang yang disembelih tidak mengikut syarak</td></tr></table>	Makanan halal	Makanan haram	Tiada dalil yang mengharamkan seperti buah tin	Ada dalil yang mengharamkan seperti khinzir	Makanan yang tidak beracun	Makanan beracun dan memudharatkan	Makanan yang suci dan bersih	Makanan yang kotor dan najis	Makanan yang disembelih mengikut syarak	Bangkai @ binatang yang disembelih tidak mengikut syarak	2 isi × 2m = 4m
Makanan halal	Makanan haram													
Tiada dalil yang mengharamkan seperti buah tin	Ada dalil yang mengharamkan seperti khinzir													
Makanan yang tidak beracun	Makanan beracun dan memudharatkan													
Makanan yang suci dan bersih	Makanan yang kotor dan najis													
Makanan yang disembelih mengikut syarak	Bangkai @ binatang yang disembelih tidak mengikut syarak													
	(d)		Tiga langkah kerajaan bagi mengatasi masalah daripada	3 isi × 2m										

Lihat halaman sebelah]

		berleluasa : - Kerajaan membuat pemeriksaan secara berkala terhadap premis dan syarikat makanan/agar pengeluaran produk mengikut undang-undang. - Kerajaan mengadakan kempen “pastikan halal” di media sosial/agar rakyat sedar kepentingan memakan makanan halal. - Kerajaan menguatkuasakan undang-undang dengan mengenakan denda @ kompaun kepada syarikat yang tidak patuh kepada undang-undang. - Kerajaan mengeluarkan poster @ templet tentang logo halal yang dikeluarkan JAKIM agar masyarakat dapat maklumat yang sebenar dan berhati-hati dengan penipuan. Mana-mana jawapan munasabah diterima	= 6m
	(e)	Dua hujah bagi menyokong pernyataan diatas: - Pemakanan yang halal dan berkhasiat membentuk akal yang sihat dan cerdas/ seterusnya dapat melahirkan manusia yang berfikiran waras/positif. - Mematuhi larangan pemakanan yang diharamkan /akan menjamin lahirnya akhlak yang baik kerana patuh kepada perintah Allah swt. - Mengamalkan pengambilan gizi yang tidak seimbang menyebabkan timbulnya penyakit kronik yang mengakibatkan malas untuk beribadah /melakukan kebaikan. - Hasil daripada sumber makanan yang halal dan suci /umat Islam akan mudah memperoleh hidayah Allah swt mudah menerima dan menghafaz pelajaran. - Memakan makanan yang haram dan syubhah menyebabkan amal ibadatnya tidak akan diterima dan akan menyebabkan seseorang terdorong melakukan kemungkaran/maksiat. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi × 2m = 4m

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



Lihat halaman sebelah]

5228 © 2025 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam, JPN Melaka

TERHAD

2.	(a)		Maksud wakaf : Menahan harta yang kekal bentuknya (zatnya) yang boleh diambil manfaatnya untuk kebajikan.	1 isi x 2 m = 2m
	(b)		Cara ulama mengistinbatkan hukum tentang waqaf : - Lafaz <i>ان شئت حبست</i> - Yang bermaksud Rasulullah s.a.w menggalakkan Umar untuk mewaqafkan tanahnya. /Galakan berwaqaf bukan ditujukan kepada Umar sahaja tetapi bersifat umum untuk semua umat Islam. - Setiap galakan membawa hukum sunat - Oleh itu, hukum berwaqaf adalah sunat untuk kemaslahatan dan kepentingan umat Islam.	4 isi x 1m = 4m
	(c)		Dua cara yang mengharuskan penjaga harta waqaf menggunakan harta berdasarkan potongan ayat : - Mengambil harta sebagai upah /dengan kadar yang berpatutan. - Tidak menggunakan harta tersebut /untuk kepentingan peribadi. - Tidak membazir /ketika menguruskan harta wakaf.	2 isi x 2m = 4m
	(d)	(i)	Hukum : Sah Alasan : Harta yang diwaqafkan merangkumi ain dan manfaat.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Hukum : Tidak sah/ Batal. Alasan : Syarat wakaf mestilah milik pewakaf.	2 isi x 1m = 2m
	(e)	(i)	Jenis harta wakaf: Harta tidak alih	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua langkah untuk menggalakkan amalan berwakaf : - Majlis Agama Islam menyebarkan maklumat terkini/ tentang kelebihan berwakaf. - Mempelbagaikan cara untuk berwakaf /seperti berwakaf secara atas talian dan potongan gaji. - Membuat kempen di media sosial /untuk menarik minat orang ramai berwakaf. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.	2 isi x 2m = 4m

Lihat halaman sebelah]

3.	(a)	(i)	Al - Qard : Memberikan harta kepada pihak yang memanfaatkan harta tersebut /dan dikembalikan gantian yang sama jenis dengannya tanpa sebarang tambahan.	2 isi x 1m = 2 m
		(ii)	Dua kepentingan muallamat di atas (al qard): - Menanam sikap tolong menolong antara anggota masyarakat/ terutamanya kepada golongan yang memerlukan bantuan. - Membolehkan umat Islam meneroka bidang perniagaan, pertanian dan lain-lain/ dengan lebih maju dan agresif. - Memperkukuhkan hubungan kasih sayang/ antara umat Islam - Menyelesaikan masalah golongan yang berhutang/ untuk meringankan beban. - Memudahkan golongan yang memerlukan untuk/ mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan.	2 isi x 2m = 4 m
	(b)		Dua syarat wali mujbir boleh mengahwinkan anak gadis tanpa pengetahuan: - Tiada permusuhan antara wali dengan anak gadis. - Suami yang dikahwininya mestilah sekufu. - Suami mampu menyerahkan mahar dengan segera.	2 isi x 2m = 4 m
	(c)	i	Maksud am: - Lafaz yang merangkumi kesemua perkara yang sesuai bagi lafaz tersebut tanpa ada batasan.	1 isi x 2m = 2 m
		ii	Bentuk lafaz am: - Lafaz السارقة والسارقة - Iaitu lafaz mufrad yang dimagrifahkan dengan alif lam istiqraiyah - Yang menunjukkan semua orang yang mencuri akan dipotong tangan.	4 isi x 1m = 4 m
	(d)		Hukum makan ikan berdasarkan kaedah am dan khas : - Hukum : Sah/halal/harus - Semua bangkai adalah haram dimakan - Kecuali bangkai di dalam lautan - Oleh itu hukum makan ikan tersebut adalah halal/tidak berdosa untuk dimakan.	4 isi x 1m = 4 m

Lihat halaman sebelah]

4.	(a)	(i)	Maksud Al-Ijmak : - Persepakatan ulamak mujtahidin daripada umat nabi Muhammad s.a.w pada suatu masa terhadap sesuatu hukum syarak/ selepas kewafatan baginda s.a.w.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua contoh Ijmak ulamak : - Haram memakan lemak khinzir seperti haram memakan dagingnya. - Haram mengahwini nenek, moyang dan ke atas. - Wajib mengerjakan haji sekali seumur hidup. - Hukum kafir bagi orang yang mengingkari kewajipan solat.	2 isi x 2m = 4m
	(b)		Cara Takhsis dengan bukan Nas: - Takhsis Al-Quran dengan dengan uruf wal adat. - Ayat ini adalah ayat am yang menunjukkan Balqis mempunyai segala-galanya. - Ayat ini telah ditakhsiskan dengan adat kebiasaan yang menunjukkan harta nabi Sulaiman tidak termasuk dalam penguasaannya. - Oleh itu semua harta adalah milik ratu Balqis kecuali harta Nabi Sulaiman	4 isi x 1m = 4m
	(c)	(i)	Dua sumber perundangan Islam pada Zaman Tabiin: - Al-Quran - Hadis - Qias - Ijmak	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua sebab berlakunya banyak khilaf pada zaman tabiin: - Perkembangan wilayah Islam semakin luas/ di timur dan sepanyol di sebelah barat. - Terdapat pelbagai sumber rujukan hasil penulisan/ dan penterjemahan serta pembukuan kitab yang muktabar. - Keprihatinan khalifah kepada ilmu feqah dan/ lahirnya ramai tokoh ilmuan yang hebat. - Kebebasan diberikan kepada para ulamak untuk/ mengeluarkan pendapat dan idea sehingga wujud khilaf.	2 isi x 2m = 4m
	(d)	(i)	Nama Sebenar Imam Abu Hanifah : - Nukman Bin Sabit At -Tayyimi Al-Khufi.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Sumbangan Imam Abu Hanifah selain pengasas mazhab Hanafi : - Mahir berdebat dengan golongan sesat seperti Muktaizilah, Khawarij dan Syiah. - Ulama fekah / ilmu Kalam yang terkenal. - Fatwanya menjadi rujukan terutamanya di Iraq.	1 isi x 2 m = 2m

Lihat halaman sebelah]

5.	(a)	(i)	Maksud hukum syarak ialah : - Khitabullah yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf sama ada berbentuk إقتضاء, atau pilihan (تخير) atau keadaannya (الوضع)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua langkah untuk menjadikan hukum syarak sebagai panduan: - Sentiasa membaca al-Quran setiap hari dan memahami maksudnya. - Sentiasa mempelajari hadis dan mempraktikkannya dalam kehidupan. - Sentiasa menghadiri majlis ilmu yang diadakan di masjid atau surau berhampiran. - Sentiasa bertanya kepada ulamak mengenai kemusykilan hukum hakam berkaitan aktiviti kehidupan harian. - Sentiasa menghormati guru yang mengajar ilmu agama dan ilmu yang berguna dalam kehidupan.	2 isi x 2m = 4m
	(b)		Bahagian takhsis : - Takhsis Al Quran dengan Al Quran - Lafaz البيع adalah lafaz am yang menunjukkan semua jual beli adalah halal - Tetapi telah ditakhsiskan dengan lafaz الربوا yang mengharamkan semua jual beli yang mengandungi ri'ba' - Oleh itu semua jual beli adalah halal kecuali jual beli yang ada riba'.	4 isi x 1m = 4 m
	(c)	(i)	Dua ciri undang-undang Islam: - Berdasarkan manhaj ketuhanan (rabbaniah) - Bersifat universal (alamiah) - Menyeluruh (syumuliah) - Sumber yang asli dan kekal - Menghilangkan kesulitan dan mendatangkan kemudahan - Memelihara keseimbangan material dan kerohanian.	2 isi x 1 m = 2m

Lihat halaman sebelah]

	(ii)	Dua kesan penjajahan barat terhadap pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia: - Sistem perundangan barat telah digunakan sepenuhnya/ dalam mahkamah sivil. - Undang barat mempengaruhi sistem kehakiman/ Pelaksanaan dan penggunaan undang-undang Inggeris bertambah kukuh dengan diwujudkan enakmen undang sivil. - Bidang kuasa raja-raja melayu sudah dihadkan dalam perundangan Islam/ dengan termeterainya perjanjian Pangkor 1974. - Bidang kuasa mahkamah syariah /telah dibataskan oleh undang-undang persekutuan. - Wujud dualisme dalam sistem perundangan di Malaysia. Ia dibahagikan kepada mahkamah sivil dan mahkamah syariah/ dan dipisahkan daripada hirerki mahkamah persekutuan.	2 isi x 2m = 4m
	(d)	Dua jasa al-Khawarizmi : - Pakar matematik terawal pada zamannya. - Damanahkan oleh khalifah al-Makmun untuk melukis peta dunia. - Pengasas teori al-Jibra /Algebra. - Banyak meninggalkan karya berkaitan ilmu falak dan geografi seperti الجبرا و المقابلة.	2 isi x 2m = 4m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

Lihat halaman sebelah]